

## CINTA DAN KASIH RASULULLAH SALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM KEPADA KELUARGA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wataala*, dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangannya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah di dunia mahu pun akhirat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *subhanahu wataala*,**

Sesungguhnya semua insan perlukan cinta dan kasih sayang untuk bahagia. Anak perlukan kasih ibu, ibu dan bapa juga perlukan kasih sayang anak-anaknya. Suami ingin dikasihi, isteri ingin dibelai dengan kasih mesra. Masyarakat yang penyayang sesama anggotanya akan melahirkan suasana aman dan harmoni. Ia bermula dan lahir dari rumahtangga bahagia yang dinaungi kasih dan cinta. Dengan itu, kita semua perlu menyayangi dan disayangi untuk menjamin kebahagiaan hidup berkeluarga. Untuk memastikan jalinan cinta kasih kekal abadi dalam berkeluarga kita perlu merujuk kepada panduan syariat Islam. Firman Allah *subhanahu wataala* dalam surah al-Rum ayat 21 ;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا

وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: *Dan antara tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya) bahawa Dia menciptakan untuk kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu hidup bahagia dengannya dan dijadikan antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan kasihan belas. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.*

Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* menjelaskan bahawa wanita perlu dididik dengan penuh sabar dan secara berterusan. Bimbinglah isteri untuk menjadi pasangan terbaik kita. Wanita memang tabiat asalnya bersifat lemah lembut. Kekerasan tidak akan membuahkan sebarang perubahan yang baik malah akan memusnahkan segala kebaikan yang sedia ada. Sentiasa bersikap tenang, sabar, bergaul baik dan sering membantu isteri adalah sunnah Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* yang wajar kita contohi. Baginda *sallallahu 'alaihi wa sallam* menegaskan bahawa lelaki yang melayani isterinya dengan baik dan penuh kasih sayang adalah sebaik-baik insan. Hadis daripada Saidatina Aisyah *radiyallahu anha* bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda dalam hadis riwayat al-Tarmizi:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Yang bermaksud: *“Orang yang paling baik dalam kalangan kamu ialah orang yang paling baik (pergaulannya) dengan ahli keluarganya dan aku adalah orang yang paling baik daripada kalangan kamu dengan ahli keluargaku.”*

Dengan layanan dan bimbingan baik yang berterusan pasti kasih dan cinta akan berbunga dan mekar dalam jiwa. Wanita yang tabiatnya lemah lembut perlu dilayan dan dididik secara tenang dan sabar untuk memupuk keyakinan dan cintanya kepada suaminya. Kewibawaan dan ketenangan suami akan membuat isteri tenang dan mencintai suaminya. Inilah rahsia kerukunan dan kebahagiaan rumahtangga.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *subhanahu wataala*,**

Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* sendiri sebagai qudwah hasanah bagi kita telah pun menunjukkan bagaimana caranya kita perlu bertolak ansur dalam kehidupan berumahtangga. Sekalipun Baginda sibuk dengan tugas memimpin negara dan menyampaikan risalah Islam, namun Baginda tetap mempunyai masa membantu kerja-kerja di rumah. Baginda memerah sendiri susu kambing, Baginda menjahit sendiri bajunya dan Baginda melakukan kerja-kerja rumah tanpa meminta bantuan isteri-isterinya. Saidatina Aisyah *radiyallahu anha* menceritakan dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari bahawa beliau pernah ditanya oleh seorang lelaki yang bernama Aswad tentang apa yang dilakukan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* ketika berada di rumahnya? Maka beliau menjawab yang bermaksud:

*“Rasulullah SAW sentiasa membantu ahli keluarganya melakukan kerja-kerja rumah. Dan apabila sudah tiba masuk waktu solat, Baginda keluar untuk menunaikan solat”.*

Marilah kita menjadi suami mithali yang mengikuti acuan Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam*. Ingatlah, keluarga adalah anugerah dan amanah daripada Allah *subahanahu wataala*. Peranan untuk membentuk peribadi isteri dan anak-anak, semuanya adalah tanggungjawab suami. Untuk itu, penuhilah dada dengan ilmu pengetahuan, tingkatkanlah keimanan serta perbanyakkanlah amal soleh.

Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* membina suasana harmoni dalam keluarga dengan menjaga hati dan perasaan ahli keluarga. Sikap ramah dan lembut Rasûlullâh *sallallahu 'alaihi wa sallam* ditunjukkan kepada keluarganya melalui bersenda gurau dengan isteri dan anak-anaknya, menghibur, dan memaafkan kesalahan mereka, melebarkan senyuman serta menghiasi rumah mereka dengan hal-hal yang menyenangkan.

Saidatina Aisyah *radhiyallâhu 'anha* menceritakan dalam hadis riwayat Ibnu Asakir, “Adalah Rasûlullâh ketika bersama isteri-isterinya, baginda adalah manusia lembut dan paling pemurah serta sering ketawa dan tersenyum.”

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *subahanahu wataala*,**

Kehidupan berumahtangga bukanlah semata-mata mencari keseronokan berpasangan, sebaliknya ia merupakan suatu amanah daripada Allah *subahanahu wataala* yang seharusnya dipikul secara bersama oleh suami dan juga isteri. Setiap ahli keluarga perlu diberi layanan yang penuh sopan santun agar dapat menambat hati anak-anak dan menjadi budaya dalam diri mereka.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا

لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Yang bermaksud: *Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah orang) yang berdoa dengan berkata, "Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri dan zuriat keturunan kami sebagai penenang hati kami, dan jadikanlah kami pemimpin ikutan bagi orang yang bertakwa.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.